

**CABARAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN
MANUSKRIP TEMPATAN DI SARAWAK**

A.S. Sabariah & I. Imilia

Universiti Teknologi MARA,

Kampus Samarahan, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

sabariah@sarawak.uitm.edu.my; imilia.ibrahim@gmail.com

* Kertas ini telah dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013*, 25-27 Ogos 2013, Melaka

ABSTRACT

Sarawak is a land rich in culture and heritage. There are many different ethnic groups and each of them has a hereditary culture and heritage of its own. Manuscripts are the legacy of the community where they contain aesthetic value in the community. Community uses the manuscript to deliver a range of issues and stories. Thus, conservation measures on existing manuscripts are crucial for the prosperity of future generations. Manuscript preservation is also seen as a necessity for the survival of the local heritage and historical information. This paper discusses how the preservation and conservation activities have been done to the manuscripts in Sarawak. This paper is the result of an observation on the issues of preservation and conservation of manuscripts in the state. This paper also viewed the manuscript as one of the most important resources in preserving the heritage and culture and will be able to empower people within a country.

Keywords: Manuscripts; Preservation; Conservation; Sarawak.

ABSTRAK

Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai budaya dan warisan. Terdapat pelbagai kaum dan bangsa yang mana setiap daripadanya mempunyai budaya dan warisan turun temurun yang tersendiri. Manuskrip merupakan satu tinggalan warisan zaman berzaman yang mempunyai nilai estetika yang amat tinggi di dalam masyarakat. Masyarakat terdahulu menggunakan manuskrip bagi menyampaikan pelbagai isu dan cerita. Justeru, langkah pemuliharaan ke atas manuskrip-manuskrip yang ada amatlah penting demi kemakmuran generasi yang akan datang. Pemeliharaan manuskrip juga dilihat sebagai satu keperluan untuk memastikan kelangsungan maklumat dan sejarah warisan tempatan dapat dikekalkan. Kertas kerja ini membincangkan sejauh mana aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan telah dilakukan ke atas manuskrip-manuskrip yang terdapat di Sarawak. Kertas kerja merupakan hasil tinjauan kepada isu-isu yang menjadi halangan di dalam usaha pemeliharaan

A.S. Sabariah & I. Imilia

dan pemuliharaan manuskrip yang ada. Kertas kerja ini turut melihat manuskrip sebagai salah satu sumber yang amat penting dalam melestarikan warisan dan budaya dan seterusnya akan dapat memperkasakan bangsa di dalam sesebuah negara.

Kata kunci: Manuskrip; Pemeliharaan; Pemuliharaan; Sarawak.

PENGENALAN

Sejarah sesuatu bangsa itu dapat dilihat melalui tinggalan bahan sejarah seperti dokumen, surat-surat, serta lain-lain bahan. Sarawak merupakan salah satu negeri yang terdapat dalam Malaysia dan suatu ketika dahulu negeri ini pernah dijajah oleh orang Inggeris. Penjajahan yang berlaku bukan sahaja meninggalkan satu memori yang sukar dilupakan oleh penduduk setempat khususnya mereka yang telah berusia, malahan turut sama meninggalkan bahan-bahan sejarah lain yang boleh dikaji.

Manuskrip merupakan salah satu bahan dokumen yang boleh digunakan bagi mencari cerita sejarah silam. Pada zaman dahulu kebanyakan manuskrip yang dihasilkan adalah untuk menceritakan kisah hikayat dan dongeng, namun hasil dari penceritaan tersebut ianya tidak lari dari menceritakan gambaran perkembangan sesebuah kaum dan budaya masyarakat pada masa tersebut. Ini menunjukkan bahawa manuskrip itu sebenarnya adalah satu bahan yang amat penting kepada perkembangan budaya dan kaum sesuatu bangsa di negara tersebut.

Perpustakaan Negara Malaysia memberi takrifan manuskrip Melayu sebagai “satu warisan intelek zaman silam yang dimartabatkan sebagai warisan dokumen Negara. Yang dimaksudkan dengan manuskrip Melayu adalah karya-karya yang bertulis tangan terutamanya dalam tulisan jawi yang dihasilkan pada abad ke 14 hingga awal abad ke 20.” Sarawak sebagai salah sebuah negeri yang terletak di Borneo turut mempunyai tinggalan manuskripnya yang tersendiri bagi tatapan dan rujukan generasi akan datang. Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan etnik dan budaya, Sarawak pastinya mempunyai kepelbagaian manuskrip. Justeru amatlah penting bagi negeri Sarawak untuk memastikan setiap manuskrip yang menjadi tinggalan ini dipelihara dan dipulihara dengan sebaiknya.


Dilihat beberapa agensi tertentu telah berusaha dalam mengumpul manuskrip-manuskrip yang ada di dalam negeri Sarawak. Kajian dilakukan bagi melihat apakah cabaran yang dihadapi di dalam usaha untuk memelihara dan memulihara manuskrip yang ada.

Manuskrip Tempatan


Menurut Immersion (2002), “tidak seperti buku, jurnal, dan lain-lain bahan di perpustakaan mahupun arkib, manuskrip itu biasanya wujud dalam satu salinan sahaja”. Kewujudan sesuatu manuskrip asal itu biasanya hanya satu dan jarang sekali sesuatu manuskrip mempunyai lebih dari satu salinan. Ini seterusnya menggambarkan bahawa manuskrip itu mempunyai sifat yang unik dan lantas memerlukan sedikit perbezaan dalam usaha memelihara dan memulihara sifat fizikal bahan tersebut.

Manuskrip yang wujud di Sarawak kebanyakannya ditulis pada zaman penjajahan Inggeris. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil manuskrip yang berada dalam simpanan merupakan manuskrip yang wujud sejak era kurun ke 18 di mana ia adalah zaman pemerintahan kesultanan Brunei, dan usia manuskrip ini pastinya lebih lama berbanding manuskrip yang ditulis pada zaman keluarga Brooke.

Kebanyakan manuskrip yang ditulis sebelum zaman pemerintahan Inggeris adalah berkisarkan cerita dongeng masyarakat dan hikayat. Cerita magis, kisah-kisah dongeng kayangan dan elemen kesaktian menjadi teras utama kepada manuskrip yang ditulis. Namun begitu terdapat juga manuskrip yang ada menceritakan tentang sejarah serta rahsia tertentu etnik-etnik yang ada di Sarawak. Gambar-gambar di bawah merupakan contoh manuskrip yang berada di dalam simpanan pihak Jabatan Muzium Sarawak. Melalui gambar-gambar ini, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan manuskrip ditulis pada zaman dahulu adalah dengan menggunakan tulisan jawi (Rajah 1 dan 2).



Rajah 1: Manuskrip di dalam tulisan jawi



Rajah 2: Surat rasmi semasa pemerintahan Rajah Brooke

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini disediakan dengan tujuan memenuhi dua objektif penting berkenaan pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip di Sarawak. Objektif utama kertas kerja ini adalah:

1. Untuk mengupas cabaran yang dihadapi dalam usaha memelihara dan memulihara manuskrip tempatan.
2. Untuk melihat sejauh mana aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan telah dijalankan di Sarawak.

KAEDAH KAJIAN

Dalam usaha memenuhi keperluan kajian ini, dua kaedah kajian telah dilaksanakan. Pemerhatian telah dibuat di beberapa agensi yang terlibat dalam menyimpan dan memelihara bahan-bahan berbentuk manuskrip yang terdapat di negeri Sarawak. Memandangkan terdapat beberapa agensi yang berbeza menyimpan manuskrip di negeri ini, maka pemerhatian telah dibuat di beberapa lokasi penyimpanan manuskrip tersebut. Pemerhatian dibuat untuk menilai proses penyimpanan, pemeliharaan serta pemuliharaan manuskrip yang terdapat di agensi yang berkenaan. Selain dari itu, rekod maklumat berkenaan manuskrip juga dilihat untuk dinilai kesesuaiannya dalam mengakses bahan-bahan manuskrip ini.

Selain dari itu, untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memelihara dan memulihara manuskrip tempatan di

negeri ini, beberapa sesi temubual telah diadakan dengan staf yang terlibat dalam penyimpanan dan penjagaan bahan sejarah yang begitu bernilai ini. Staf yang dipilih untuk dijadikan sampel di dalam temuramah merupakan pegawai profesional dan pegawai sokongan yang bertanggungjawab penuh ke atas pemeliharaan manuskrip supaya maklumat yang diberikan lengkap dan tepat terutamanya dalam isu pengendalian, penyimpanan serta pemuliharaan bahan manuskrip.

HASILAN KAJIAN

Sarawak amat terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan budaya dan bahasa. Selain itu negeri ini turut mempunyai pelbagai hasilinggalan sejarah yang amat bernilai tinggi. Bahan arkeologi, dokumen, rekod dan manuskrip antarainggalan yang perlu terus dipelihara dan dipulihara bagi memastikan generasi akan datang akan dapat terus memiliki dan menghargainya. Manuskrip adalah satu bahan yang biasanya wujud secara tunggal. Justeru itu, manuskrip dilihat sebagai satu bahan yang mempunyai sifat yang sangat rapuh dan memerlukan penjagaan yang lebih rapi dan teliti.

Terdapat tiga agensi utama di Sarawak yang terlibat secara langsung dalam pemeliharaan dan pemeliharaan bahan sejarah dan manuskrip di Sarawak. Agensi tersebut merupakan Muzium Negeri Sarawak, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak dan Pusat Repositori Negeri. Untuk melihat sejauh mana proses pemeliharaan bahan manuskrip dijalankan di negeri ini, pemerhatian telah dibuat di ketiga-ketiga agensi ini. Selain dari itu temubual juga telah dijalankan dengan beberapa staf di agensi tersebut. Hasil daripada kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip di Sarawak dan cabaran pemeliharaan dan pemuliharaan di negeri ini.

Pemeliharaan dan Pemuliharaan Manuskrip di Sarawak

Dua agensi yang bertanggungjawab secara langsung untuk menyimpan manuskrip-manuskrip berharga bagi pihak negeri Sarawak adalah Jabatan Muzium Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak. Mereka memiliki dan menguruskan koleksi manuskrip tempatan. Manakala Arkib negeri cawangan Sarawak pula tidak terlibat dengan aktiviti pemeliharaan serta penyimpanan manuskrip tempatan. Fungsi arkib cawangan negeri dilihat lebih tertumpu kepada penyimpanan dokumen dan rekod yang dihasilkan oleh jabatan-jabatan di bawah kerajaan persekutuan di Sarawak. Namun begitu, dalam proses pemuliharaan bahan manuskrip, pihak Jabatan Muzium Negeri ada mendapatkan bantuan serta perkhidmatan pihak Arkib Negara Malaysia. Selain dari tiga agensi ini, pihak Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak juga ada menyimpan koleksi sejarah tempatan yang bernilai.

A.S. Sabariah & I. Imilia

Jabatan Muzium Sarawak dilihat lebih aktif dalam usaha memelihara dan memulihara manuskrip tempatan. Ia dapat dilihat apabila Jabatan ini telah menyimpan manuskrip Sarawak yang bertarikh seawal tahun 1800 lagi. Matlamat penubuhan Muzium Sarawak adalah “Bertanggungjawab terhadap bahan-bahan antikuiti, tugu peringatan dan tapak warisan budaya, tapak arkeologi, seni kraf, senibina, agama dan bahan-bahan lain yang mempunyai kepentingan dan nilai tradisi yang memberi manfaat kepada warisan negeri serta negara dengan harapan agar ia dapat menyumbang kepada perpaduan dan harmoni di kalangan masyarakat Negeri Sarawak”.

Bahagian arkib dan perpustakaan di bawah Jabatan Muzium Sarawak bertanggungjawab dalam mengumpul dan mencari maklumat mengenai bahan-bahan penting untuk simpanan arkib. Bahan-bahan arkib termasuklah dokumen-dokumen sejarah, Sarawak Gazette dan Sarawak Government Gazette sejak 1860. Bahan-bahan lain termasuk peta-peta, setem, wang kertas, duit syiling dan gambar-gambar lama. Kebanyakan manuskrip lama berusia sejak 1800 di bawah simpanan Jabatan Muzium ini menggunakan tulisan jawi dan di tulis tangan.

Manuskrip-manuskrip lama ini dikatakan mengandungi cerita-cerita rakyat dan telah dihasilkan sejak zaman pemerintahan kesultanan Brunei dahulu. Selain cerita-cerita rakyat mahupun hikayat lama, manuskrip yang lainnya adalah wujud sewaktu zaman pemerintahan Rajah Brooke. Di zaman ini manuskrip yang dihasilkan masih lagi dalam bentuk tulisan tangan dan juga salinan karbon. Isi kandungan manuskrip ini lebih menjurus kepada ucapan-ucapan Brooke, perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dan juga surat-surat yang diterima mahupun dihantar kepada pihak kesultanan di negeri-negeri lain.

Sungguhpun Jabatan Muzium merupakan salah satu jabatan yang bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan ini, namun apa yang menyedihkan adalah hanya sejumlah kecil sahaja yang dapat disimpan. Sehingga kini hanya terdapat 270 buah manuskrip yang tersimpan di Muzium Sarawak. Dipercayai terdapat banyak lagi manuskrip yang ada namun ianya wujud dan ada merata-rata tempat di seluruh dunia samada disimpan oleh orang perseorangan mahupun organisasi-organisasi tertentu di dalam dan juga di luar negara.

Dalam usaha memelihara dan memulihara manuskrip yang berada di Sarawak, pelbagai usaha telah dijalankan. Namun begitu aktiviti pemuliharaan manuskrip Sarawak ini tidak dilakukan secara langsung di Jabatan Muzium Sarawak sendiri. Ini bermaksud, apabila terdapat manuskrip yang memerlukan kerja-kerja pemuliharaan keatas fizikal bahan tersebut, ianya akan dihantar ke Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur. Pihak arkib akan melakukan segala proses pemuliharaan bahan tersebut dan setelah selesai manuskrip tersebut akan

dikembalikan kepada pihak Jabatan Muzium Sarawak. Hal ini terjadi kerana Jabatan Muzium Sarawak khasnya mengalami masalah kekurangan bahan pemuliharaan yang diperlukan serta kekurangan tenaga mahir yang mampu melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan ke atas manuskrip tersebut. Ia bukanlah satu proses yang mudah dan murah.

CABARAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN MANUSKRIP

Pelbagai cabaran perlu ditempuhi dalam usaha menghidupkan proses pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip. Walau apa pun rintangan yang perlu dihadapi usaha memelihara dan memulihara serta memartabatkan bahan manuskrip ini perlulah sentiasa berterusan. Antara cabaran utama dalam usaha murni ini adalah kesukaran bagi mendapatkan manuskrip asal yang berada dalam simpanan orang perseorangan, kurang tenaga mahir dan berpengalaman, kekangan kewangan dan peralatan, masalah berkaitan teknologi dan seterusnya isu berkaitan akses kepada manuskrip yang ada.

Simpanan Orang Perseorangan

Banyak manuskrip masih berada di dalam simpanan orang perseorangan. Ini terjadi kerana manuskrip tersebut menjadi bahan yang diwarisi turun temurun sejak dari zaman nenek moyang mereka. Generasi kini yang mewarisi bahan tersebut enggan untuk menghantar kepada pihak yang berwajib kerana mereka beranggapan bahawa manuskrip itu adalah harta persendirian dan ingin dijadikan satu warisan turun terumurun kepada cucu cicit mereka sahaja. Menurut Lucas Chin (1990), “terdapat segelintir golongan manusia yang mempunyai kewangan yang kukuh telah menjadikan barangan antik ini sebagai salah satu koleksi peribadi.” Bagi golongan berada, mereka mampu membeli barangan antik mahupun manuskrip lama untuk dijadikan barangan perhiasan demi untuk mengisi ruangan rumah mereka.

Seperti yang telah dimaklumkan, manuskrip ini bersifat rapuh. Apabila ia berada di dalam simpanan orang perseorangan atau individu yang hanya mementingkan diri sendiri, tanpa mereka sedar mereka telah meletakkan manuskrip tersebut di dalam satu risiko kepupusan. Ini kerana tanpa penjagaan yang rapi dan sempurna manuskrip yang ditulis di atas kertas itu akan mengalami perubahan sesuai dengan peredaran zaman. Tanpa penjagaan yang sempurna khazanah tersebut akan sedikit demi sedikit hilang mahupun rosak dengan sendirinya disebabkan faktor sekeliling seperti cuaca dan alam sekitar.

Orang perseorangan yang mempunyai manuskrip tempatan yang berharga bukan sahaja mereka yang tinggal di dalam negeri Sarawak sendiri. Manuskrip lama berkenaan Sarawak ada disimpan di negara jiran seperti Brunei dan Indonesia (Kalimantan) bahkan ada juga yang disimpan di Britain terutama bahan-bahan di zaman pemerintahan Rajah Brooke.

Terjemahan Manuskrip

Manuskrip Sarawak banyak ditulis dengan menggunakan tulisan jawi kuno. Dalam usaha mendekati masyarakat dengan bahan tinggalan sejarah yang ada ini, penterjemahan manuskrip itu perlu dilakukan. Ini kerana generasi muda khususnya kurang menggunakan tulisan jawi dalam kehidupan seharian, seterusnya mereka tidak dapat memahami apakah yang tertulis di dalam sesuatu manuskrip itu.

Jabatan Muzium Sarawak mengalami kesukaran dalam mendapatkan pakar bagi menterjemahkan isi asal kandungan manuskrip. Adalah amat penting untuk mendapatkan seorang pakar tulisan jawi kerana ia dapat mengelakkan dari berlakunya kesilapan menterjemah isi kandungan karya-karya manuskrip tersebut. Jika berlaku salah terjemahan dikhuatiri ia akan mengundang salah faham di kalangan orang ramai dan seterusnya akan mengakibatkan salah faham kepada sejarah tempatan itu sendiri. Manuskrip ini amat penting untuk diterjemahkan, supaya apa yang terkandung di dalamnya dapat diketahui dan dihayati khususnya oleh generasi muda.

Buat masa ini, penterjemahan sesebuah manuskrip dibuat oleh individu yang dikenalpasti oleh pihak yang berwajib. Namun begitu orang perseorangan yang betul-betul faham untuk membaca sesebuah manuskrip semakin berkurangan dan memandangkan kebanyakan mereka adalah warga tua, agak sukar untuk meminta mereka melakukan terjemahan manuskrip dalam jumlah yang besar. Ini menyebabkan kebanyakan manuskrip yang disimpan masih dalam bentuk asal dan akses kepada isi kandungan manuskrip agak sukar didapati sekiranya penyelidik atau pengguna tidak dapat membaca manuskrip yang mereka kehendaki dalam bentuk asalnya.

Tenaga Mahir dan Berpengalaman

Dalam usaha menyelamatkan manuskrip tempatan ini, kekurangan tenaga profesional yang mahir dan berpengalaman menjadi salah satu kekangan yang amat besar. Sesuatu perlu dilakukan segera bagi mengatasi masalah ini. Pada masa kini Jabatan Muzium Sarawak dan Arkib Negeri Malaysia cawangan Sarawak sedang berdepan dengan kekurangan tenaga mahir yang dapat melakukan kerja-kerja pemuliharaan bahan manuskrip ini.

Tenaga profesional yang mempunyai kelayakan dan pengalaman berkaitan proses pemeliharaan dan pemuliharaan diperlukan untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan dengan sempurna, teratur dan mengikut prosedur mahupun piawaian yang sepatutnya. Ketiadaan mahupun kekurangan golongan profesional ini untuk melakukan kerja tersebut akan melewatkan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bahan-bahan manuskrip tersebut. Ini seterusnya akan memberikan impak yang lebih besar kepada fizikal bahan tersebut yang sesetengah darinya

sememangnya telah berada dalam keadaan uzur dan memerlukan rawatan yang segera.

Ketiadaan tenaga mahir ini mungkin kerana pihak berwajib tidak melihat kepentingan pekerja yang ahli dalam proses pemuliharaan bahan sejarah. Buat masa ini proses pemuliharaan bahan dilakukan oleh staf sokongan kerana tiada jawatan profesional yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan bahan sejarah. Selain dari itu, latihan untuk menguasai skil pemuliharaan bahan banyak ditawarkan di negara-negara maju seperti Britain dan Amerika. Untuk menghantar staf di jabatan berkenaan untuk berkursus akan memerlukan belanja yang agak besar dan membebankan agensi yang terlibat.

Justeru, usaha awal perlu diambil dalam melatih golongan muda mahupun golongan pelapis dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan bahan sejarah. Pihak berkenaan haruslah sanggup membuat pelaburan untuk melatih golongan ini. Ini adalah penting dalam usaha negara untuk mempertahankan setiap khazanah nasional yang ada di dalam bumi Malaysia khususnya di Sarawak. Harus sentiasa diingat, warisan khazanah negara untuk masa hadapan sebenarnya bermula dengan pemeliharaan khazanah-khazanah negara yang ada pada hari ini.

Faktor Kewangan

Kebanyakan cabaran dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip bermula dengan kekangan kewangan di jabatan yang bertanggungjawab. Masalah kewangan menjadi satu halangan di dalam usaha menyelamatkan manuskrip Sarawak. Kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip ini dilihat menelan belanja yang tinggi. Ia bermula dari proses mendapatkan manuskrip dari orang perseorangan mahupun pihak luar. Bagi mendapatkan kembali manuskrip Sarawak yang berada bersama orang perseorangan mahupun di luar negara, kerajaan dilihat perlu mengeluarkan belanja bagi urusan pembelian mahupun pembayaran saguhati kepada pihak yang terlibat. Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan.

Selain ini bahan yang digunakan untuk membaikpulih sesebuah bahan manuskrip juga agak mahal harganya dan kebanyakannya perlu diimport dari luar negara. Pembelian bahan secara pukal harus dilakukan untuk mengurangkan kos namun akan timbul isu penyimpanan bagi bahan mentah yang telah dibeli dan sekali lagi ianya akan memberi implikasi yang besar kepada kos penyediaan bahan untuk proses pemuliharaan dan pemeliharaan bahan manuskrip.

Peralatan dan Teknologi

Satu lagi masalah utama dalam proses pemuliharaan bahan manuskrip ialah kekurangan peralatan yang berkaitan dengan proses pemeliharaan dan

A.S. Sabariah & I. Imilia

pemuliharaan manuskrip serta teknologi yang ada di negara kita masih lagi belum dapat menandingi negara lain.

Beberapa peralatan tertentu yang perlu digunakan adalah diimport dari negara-negara luar seperti India dan United Kingdom. Peralatan ini amatlah mahal harganya dan sumber kewangan yang dimiliki oleh agensi terbabit adalah terhad. Ini kerana dengan sumber kewangan yang sama, mereka juga perlu melakukan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan bagi lain-lain bahan seperti rekod kerajaan, bahan artifak dan bahan lain.

Akses Kepada Manuskrip

Manuskrip dipelihara kerana ia mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Namun begitu, nilai sejarah ini tidak akan diketahui umum sekiranya tiada akses kepada bahan tersebut disediakan. Sebagai contoh Jabatan Muzium Sarawak menyimpan banyak manuskrip yang bernilai. Namun begitu, mereka tidak menyediakan senarai lengkap berkenaan manuskrip di dalam simpanan mereka. Dengan kecanggihan teknologi masa kini, akses kepada manuskrip boleh disediakan di dalam talian dan jika pendedahan sebegini dilakukan, pasti akan ada lebih ramai penyelidik yang berminat untuk membuat kajian berkenaan sejarah negeri ini.

Ada sesetengah pihak mengatakan bahan-bahan manuskrip ini terlalu berharga dan orang ramai tidak boleh mengakses maklumatnya sesuka hati. Namun begitu, adalah baik jika senarai manuskrip itu dapat dihebahkan supaya para penyelidik dapat mengetahui manuskrip apa yang ada dalam simpanan dan ini memudahkan mereka untuk melaksanakan penyelidikan lanjut berkenaan sejarah atau merujuk kepada manuskrip tertentu yang dikehendaki.

KESIMPULAN

Negeri Sarawak ini kaya dengan tinggalan sejarah dan warisan budaya yang memerlukan penjagaan yang rapi dan berterusan. Tanpa disedari mungkin ada di antara manuskrip ini merupakan sejarah yang telah ditinggalkan beratus tahun lamanya. Banyak bahan sejarah yang dipunyai oleh tanah Melayu serta Sabah dan Sarawak telah dibawa pulang oleh penjajah ke negara asal mereka. Justeru itu, adalah wajar untuk semua pihak yang terlibat sama ada di sektor kerajaan, badan berkanun mahupun pihak swasta untuk sama-sama berganding bahu berusaha dan bekerjasama di dalam memelihara tinggalan sejarah yang masih dimiliki.

Kerjasama yang erat di antara agensi-agensinya yang berkaitan amat penting untuk dilaksanakan. Jabatan Muzium Sarawak, pihak Arkib Negara Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak, Majlis Adat Istiadat dilihat mampu untuk berganding bahu dalam usaha menyelamatkan tinggalan manuskrip yang ada. Apabila perkongsian pintar ini dapat diwujudkan tidak mustahil Sarawak akan mampu

untuk mendapatkan lebih banyak manuskrip tempatan yang ada di merata tempat. Dilihat kerjasama di antara agensi ini akan mampu untuk menghasilkan satu koleksi warisan negara yang mana ianya akan dapat dinikmati oleh setiap generasi samada tua ataupun muda. Manuskrip bukan sahaja bukti tentang masa lalu atau bahan intelektual zaman terdahulu, malahan apa yang lebih penting adalah ia menjadi bahan pengajaran yang perlu dipelihara bagi ditunjukkan kepada warisan zaman akan datang.

Tanpa berlengah lagi generasi muda perlu didedahkan kepada warisan negara yang ada. Kita tidak mahu mereka hanya mengenali asal usul, budaya dan negara hanya melalui kaca televisyen. Amat penting untuk mereka didedahkan dengan sumber asal bahan sejarah yang ada. Inisiatif yang lebih agresif perlu diambil untuk memulihara, memelihara dan seterusnya berkongsi warisan negara. Walaupun terdapat pelbagai halangan yang merintang di dalam usaha memelihara dan memulihara bahan bersejarah ini, ianya dilihat bukanlah satu penghalang dalam usaha kita memartabatkan kembali zaman kegemilangan tamadun kita.

RUJUKAN

- Graham, T. 2003. Electronic access to and the preservation of heritage materials. *The Electronic Library*, Vol. 21, no. 3: 223-226.
- Jimerson, R. C. 2002. The nature of archives and manuscripts. *OCLC Systems & Services*, Vol. 18, no. 1: 21-23
- Jimerson, R. C. 2003. Archives and manuscripts: Archives and memory. *OCLC System & Services*, Vol. 19, no. 3: 89-95.
- Jimerson, R. C. 2003. Archives and manuscripts: Deciding what to save. *OCLC System & Services*, Vol. 19, 4: 135-140.
- Li, M. and Niu, J. 2010. A preservation framework for Chinese ancient books. *Journal of Documentation*, Vol. 66, no. 2: 259-278.
- M'kadem, A. B and Nieuwenhuysen, P. 2010. Digital access to cultural heritage material: case of the Moroccan manuscripts. *Collection Building*, Vol. 29, no. 4: 137-141.
- Majumdar, S. 2005.. Preservation and conservation of literary heritage: a case study of India, *The International Information & Library Review*, Vol. 37: 179-187.
- Mazumdar, N. R. 2009. Digital preservation of rare manuscripts in Assam. *7th International CALIBER-2009*.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2002 *Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang*. Retrieved from: <http://www.pnm.gov.my/manuskrip>.
- Reid, G. 2010. The challenge of making archives relevant to local authorities. *Records Management Journal*, Vol. 20, no. 2: 226-243.
- Runciman, S. 1992. *The White Rajah: A History of Sarawak 1841-1946*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed.

A.S. Sabariah & I. Imilia

- Tagoranao, M.S. 2008. Preservation of Islamic Manuscripts in the Philippine's Libraries: Issues and Prospects. *World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists (WCoMLIS) 2008*.
- Youssef, Z. 2006. The preservation, study and presentation of manuscripts at the Bibliotheca Alexandrina. *Museum International*, Vol. 67, no. 12: 224-226.